

KPDNHEP Mukah jamin 53 pusat jualan cukup bekalan asas sepanjang PKP, musim perayaan

2020-04-02T11:53:37+08:00
oleh Mohamad Achil Norrlatep



MUKAH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah jamin semua 53 pusat jualan (POS) di bahagian ini mempunyai bekalan barang keperluan asas mencukupi dalam fasa kedua Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April ini, dan juga persediaan untuk musim perayaan yang bakal menyusul.

Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah Salihin Den (gambar) berkata, semua pembekal dimaklumkan supaya menambah stok bekalan semasa bagi menampung keperluan sehingga jangka masa tiga bulan.

"Semua POS dijamin akan mempunyai bekalan keperluan asas mencukupi seperti minyak masak, gula, tepung gandum dan beras selain tong gas (LPG), petrol serta diesel," katanya kepada Utusan Borneo.

Antara POS terlibat adalah terletak di kawasan Matu, Daro, Dalat, Igan dan Tanjung Manis.

POS merupakan salah satu projek penyeragaman harga barang di bawah Bahagian Harga Barang Malaysia, KPDNHEP.

Kos pengangkutan barangan keperluan dimaksudkan yang menyertai POS akan ditanggung oleh BHBN dan harga barangan akan sama dengan harga di kawasan bandar.

Terdahulu, selepas mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Mukah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Dato Sri Fatimah Abdullah mahu KPDNHEP memastikan semua 800 POS di Sarawak tidak akan kekurangan barangan keperluan sepanjang tempoh PKP fasa dua dan seterusnya untuk persediaan perayaan.

Kerajaan negeri juga mengumumkan peruntukan tambahan RM16.4 juta bagi bantuan kepada rakyat golongan sasaran di negeri ini yang terjejas teruk akibat PKP.

PKP fasa pertama tamat pada 31 Mac 2020 dan fasa kedua yang bermula 1 April dijangka tamat pada 14 April ini.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/02/kpdnhep-mukah-jamin-53-pusat-jualan-cukup-bekalan-asas-sepanjang-pkp-musim-perayaan>

